

26/07/2001

Kerajaan kaji gubal Akta Pemulihan Akidah

Mohd Fuad Razali; Munaarfah Abu Bakar

KUALA LUMPUR, Rabu - Kerajaan mengkaji kemungkinan mewujudkan Akta Pemulihan Akidah bagi menangani masalah murtad di kalangan umat Islam, kata Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Noh Omar.

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan Taib Azamudeen Mohamed Taib (Pas-Baling) yang meminta Perdana Menteri menyatakan tindakan atau usaha yang dilakukan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) dalam menangani kes murtad.

Taib bertanya sama ada kerajaan bercadang memberi kuasa kepada ibu bapa atau saudara-mara terdekat menyelamatkan mereka yang murtad.

Noh berkata, rundingan sudah dibuat dengan mufti mengikut setiap zon mengenai apakah kaedah untuk memulihkan akidah seseorang.

Sambil menafikan dakwaan bahawa semakin ramai orang Islam murtad, Noh berkata, kerajaan melakukan pelbagai usaha bagi memantapkan akidah umat Islam.

Antaranya, mengadakan aktiviti dakwah secara bersepadu di kalangan saudara baru, mengadakan kaunseling dan khidmat nasihat untuk mereka yang bermasalah serta kursus bagi belia bermasalah.

Noh berkata, kerajaan juga mewujudkan Pusat Pemulihan Akidah di Jelebu, Negeri Sembilan dan akan mengadakan lawatan ke negara Timur Tengah untuk mengkaji pelaksanaan undang-undang murtad.

Beliau juga berkata, tiada halangan bagi ibu bapa atau penjaga memberi didikan dan bimbingan untuk memperkukuhkan akidah anak mereka.

"Sememangnya tanggungjawab dan kuasa berada pada tangan ibu bapa atau saudara mara terdekat untuk menyelamatkan anak atau orang di bawah jagaan mereka daripada terbabit dengan gejala murtad," katanya.

Menjawab soalan tambahan Datuk Ahmad Zahid Hamidi (BN-Bagan Datuk), Noh berkata, gejala murtad boleh diatasi jika mendapat kerjasama semua pihak serta tidak mempolitikkan isu itu untuk kepentingan sesuatu pihak.

"Jika pembangkang hendak mengambil kesempatan mencari salah kerajaan, masalah ini tidak boleh selesai," katanya.

Pada sesi itu, Noh juga membidas Pas yang cuba mengaitkan gejala Black Metal dengan konsert hiburan yang dibenarkan kerajaan.

Beliau sebaliknya berkata gejala itu berlaku kerana golongan muda keliru dengan perjuangan Pas apabila Menteri Besar Kelantan yang juga Mursyidul Am parti itu, Datuk Nik Aziz Nik Mat mendakwa boleh bekerjasama dengan syaitan untuk memenangi pilihan raya.

"Kalau Nik Aziz kata boleh bekerjasama dengan syaitan untuk memenangi pilihan raya, budak-budak Black Metal kata, apa salahnya kalau mereka pula memuja syaitan.

"Pas mempermainkan agama menyebabkan golongan muda keliru dengan perjuangan Pas," katanya sambil disambut dengan tepukan gemuruh penyokong kerajaan.

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan tambahan Taib yang menyifatkan keputusan membendung kebebasan bersuara, berucap, memberi kuliah dan berkumpul sebagai tidak seimbang dengan konsert hiburan tidak sopan yang dibiarkan dengan mudah tanpa gangguan serta tidak dikawal pasukan keselamatan.

Noh menyifatkan cubaan untuk mengaitkan gejala berkenaan dengan usaha kerajaan (membenarkan konsert hiburan) sebagai tidak tepat.

Malah, katanya, jika hendak dikaitkan dari segi politik pula, Pas lebih awal mengajar anak-anak yang memasuki Pusat Asuhan Tunas Islam (Pasti)

memijak gambar Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.
(END)